

Hadiyah Sastera
Singapura 2020

Siaran
Akhbar

#WhyWeWrite



as reverie
 meditation
 love

to reveal
 reconstruct
 dream new
 realities

for awareness
 community
 those without
 a voice

Senarai Pendek SLP 2020 Diumumkan

Majlis Anugerah Diadakan Secara Virtual

SINGAPURA, 22 JULAI 2020 – Sebanyak **52 karya telah disenarai pendekkan** untuk anugerah sastera terunggul di Singapura yang diadakan dwitahunan dan amat dinanti-nantikan iaitu Hadiah Sastera Singapura (SLP). Buat pertama kalinya dalam sejarah SLP, majlis anugerah akan diadakan secara dalam talian melalui lelaman Facebook dan YouTube SBC pada **27 Ogos 2020, jam 8 malam.**

52 karya-karya telah disenarai pendek dalam 12 kategori, merangkumi tiga genre Puisi, Fiksyen dan Bukan Fiksyen Kreatif dan empat bahasa iaitu Bahasa Cina, Inggeris, Melayu dan Tamil. Sebanyak 47 penulis akan bersaing untuk anugerah utama dalam kategori-kategori tersebut, dan pemenang bakal mendapat hadiah wang tunai S\$3,000 dan sebuah piala khas. Lebih daripada separuh penulis disenarai pendek (30) untuk pertama kalinya, sementara lima penulis akan bertanding dalam dua kategori yang berbeza.

Edisi SLP kali ini, yang bertemakan **#WhyWeWrite (#KenapaKitaMenulis)**, juga memperkenalkan kategori baru: Anugerah Kegemaran Pembaca SLP. Orang ramai dijemput agar mengundi dalam talian untuk buku kegemaran mereka di kalangan buku-buku yang telah disenarai pendekkan dalam Bahasa Cina, Inggeris, Melayu dan Tamil. Setiap penulis yang menang akan menerima hadiah wang tunai S\$1,000, manakala para pengundi pula berpeluang memenangi baucar buku.

Walaupun terjejas dari segi kewangan disebabkan pandemik yang berterusan kini, Majlis Buku Singapura mengambil keputusan untuk meneruskan SLP tahun ini. William Phuan, Pengarah Eksekutif SBC mengatakan, “Di tengah-tengah semua gangguan, pengasingan dan kegelisahan, kami percaya bahawa buku-buku dan sastera adalah lebih penting sekarang daripada sebelumnya. Lanya penting untuk kita kenali dan raikan suara-suara penulis kita, serta sumbangan dan pencapaian mereka. Kata-kata dan kisah mereka bukan sahaja membina jati diri kita, ia juga mencabar kita untuk berfikir secara kritis, memberi inspirasi kepada kita untuk terus menjulang tinggi dengan imajinasi kita dan memupuk hubungan berdasarkan sifat empati.”

SLP 2020 menerima 224 penyertaan dalam pelbagai kategori, naik 30 peratus dari tahun 2018 yang mendapat 172 penyertaan. Genre puisi menerima 67 karya penyertaan manakala genre bukan fiksyen kreatif mendapat 85 karya penyertaan. Jumlah pernyertaan ini merupakan yang tertinggi sejak 2014, apabila 12 kategori diperkenalkan buat pertama kalinya. Karya yang disenarai pendek merangkumi pelbagai topik, dan mewakili generasi-generasi penulis yang berbeza.

→ Sila rujuk Lampiran A dan B untuk senarai pendek penuh buku-buku Melayu dan Lampiran C untuk panel penilai.

→ Maklumat lanjut mengenai penulis-penulis dan buku-buku yang disenarai pendekkan serta para penilai dalam kategori Bahasa Cina, Inggeris dan Tamil boleh dimuat turun di [sini](#).

Singapore Literature Prize 2020

as reverie meditation love to reveal reconstruct dream new realities for awareness community those without a voice



#WhyWeWrite



Awards Ceremony Webcast

27 August 2020
Thur, 8pm

Celebrating outstanding literary works in Singapore

#WhyWeWrite (#KenapaKitaMenulis)

Menjelang Majlis Anugerah di alam maya, beberapa sesi panel perbincangan dalam talian #AthomewithSLP (#DirumahdenganSLP) akan diadakan berdasarkan tema. Sesi-sesi ini adalah percuma dan akan menampilkan penulis-penulis SLP yang disenarai pendekkan sambil membincangkan topik-topik pencetus pemikiran yang juga relevan pada masa kini seperti rumah, sejarah, kepelbagaian dan peranan penulis dalam sesebuah krisis.

Majlis Penganugerahan SLP 2020

Tarikh

27 Ogos 2020, jam 8 malam waktu Singapura

Tempat

Dalam talian di laman [Facebook](#) dan [YouTube](#) SBC

Anggota awam boleh daftar untuk majlis di [sini](#).

- Untuk maklumat lanjut, lungsuri <https://bookcouncil.sg/awards/singapore-literature-prize>.
- Maklumat lanjut mengenai program dan Majlis Anugerah akan dimuat naik ke laman web dalam beberapa hari mendatang.
- Untuk pertanyaan berkaitan media, sila hubungi:
Ethan Leong
ethan@bookcouncil.sg

Kategori Melayu SLP 2020

Puisi

Keempat-empat puisi yang disenarai pendekkan datang daripada generasi berbeza, dan membawa semangat baru ke puisi Melayu dengan perspektif mereka yang unik. Mereka termasuk bekas pemenang SLP Samsudin Said (2016), yang telah menulis, menyelia dan menghasilkan beratus-ratus skrip televisyen, radio, drama dan pentas. Perintis sastera dan pemenang Pingat Budaya Suratman Markasan adalah pesaing berganda: Dia juga disenarai pendek dalam kategori Bukan Fiksyen Kreatif selain dari kategori Puisi. Akhir sekali dalam senarai pendek adalah penulis Maarof Salleh dan Mohd Khair Mohd Yasin, yang bertanding dalam SLP untuk pertama kalinya.

Kata-kata penilai:

“Buku-buku puisi yang dinilai kali ini ditulis oleh penyair yang amat lama berkecimpung dalam bidang sastera dan juga mereka yang lebih muda sedikit. Empat buah karya dianggap oleh ketiga-tiga penilai sebagai karya-karya yang layak disenarai-pendekkan. Terdapat kekuatan tersendiri di dalam keempat-empat buku puisi ini iaitu: *Pencarian dan Penemuan, Langkah-Langkah Langka, Rayuan pada Hujan dan Sepatu Mimpi*. Penggunaan bahasa dan teknik-teknik penciptaan puisi yang purata baik ditemui di dalam keempat-empat buku ini dan pelbagai tema telah digarap oleh para penyairnya. Kehadiran buku-buku ini menambahkan warna dan kerancakan buku-buku puisi Melayu di Singapura.”

Bukan Fiksyen Kreatif

Dua karya disenarai pendek dalam kategori ini. Ianya termasuk buku Dr Mohammed Pitchay Gani Mohamed Abdul Aziz, yang meneliti jiwa kesusasteraan Melayu pasca kemerdekaan, dan juga kajian mengenai kekurangan kritikan

sastera Melayu di Singapura oleh perintis sastera dan pemenang Pingat Budaya Suratman Markasan.

Kata-kata penilai:

“*Falsafah Pengkaryaan Melayu Singapura* memberi kesan kepada pembaca yang ingin mendekati dan memahami falsafah disebalik pemikiran pengkarya-pengkarya sastera Melayu di Singapura... Dengan menggunakan pendekatan falsafah, penulis kemudian dapat meletakkan perbincangan tentang penulis-penulis Singapura dan karya-karya mereka dalam perspektif falsafah yang terbentuk daripada keadaan sosio-budaya dalam satu-satu masa.”

Fiksyen


Empat buku disenarai pendek dalam kategori ini yang ditulis oleh tiga orang penulis. Jamal bin Ismail, yang disenarai pendek untuk pertama kalinya, membuat percikan dengan dua karya *GOD(A)* dan *Tunjuk Langit*. Penulis lain termasuk bekas pemenang SLP (2016) dan pemenang Anugerah S.E.A. Write (2017) Peter Augustine Goh dan Noor Aisyah Binte Buang.

Kata-kata penilai:

“Senarai pendek yang disuguhkan mengemukakan karya-karya bermutu yang boleh dipertahankan. Keempat-empat karya amat kuat dari beberapa segi: penceritaan yang penuh dengan imaginasi, yang lantang dengan gentaran suara pengarang bagi pihak kelompok atau falsafah yang ingin diwakilinya, tetapi masih bersulamkan estetika bahasa dan pertukangan yang seni. Karya-karya ini dapat membuktikan bahawa masyarakatnya tidak miskin dengan sejarah, tradisi dan peradaban dan semua ini berjaya dicurahkan oleh pengarang ke dalam karyanya untuk menghasilkan kenikmatan membaca dan apresiasi kesusasteraan.”

Senarai Pendek SLP 2020 (Kategori Melayu)

Kategori: Puisi

No	Penulis/Tajuk Buku	Bio	Sinopsis
1	<p>Maarof Salleh <i>Rayuan Pada Hujan</i> (Unggun Creative, 2019)</p>  	<p>Maarof Salleh, seorang pesara, aktif dalam kerja-kerja kemasyarakatan dan pernah berkecimpung dalam banyak kegiatan kemasyarakatan termasuk di peringkat kepimpinan. Bermula sebagai guru, dia dipinjamkan ke MUIS (1995-2003) untuk berkhidmat sepenuh masa memimpin badan itu. Selepas bersara, Maarof berkhidmat sementara sebagai Zamil Kanan Penyelidikan di ISEAS, Zamil (Penulis Tamu) di Jabatan Pengajian Melayu NUS dan tenaga pengajar di NIE/NTU dan Universiti SIM.</p> <p>Maarof mulanya menulis esei mengenai Islam dan masyarakat Islam kontemporer yang banyak diterbitkan di akhbar tempatan. Penulisan kreatif terutama puisi dan cerpen bermula terkemudian. Karyanya pernah menang beberapa hadiah persuratan termasuk Anugerah Pena Emas, 2013. <i>Rayuan Pada Hujan</i> bukunya yang ke-9 diterbitkan.</p>	<p>Kumpulan 100 sajak, <i>Rayuan Pada Hujan</i>, mengetengahkan tema yang merangkumi pemerhatian, pengalaman dan persepsi penulisnya sebagai aktivis yang lama berkecimpung dalam kegiatan kemasyarakatan, terhadap alam dan kehidupan masyarakat.</p> <p>Menerusi sajak-sajaknya, penulis beracak mengenai pengalamannya dan berkongsi dengan pembaca hal dan peristiwa berkaitan dengan kepelbagai watak manusia yang ditemui, suasana kehidupan yang ditempuh, keinginan dan aspirasi yang dikehendaki serta harapan-harapan yang mahu sama disempurnakan. Turut dirakam perjalanan luas yang dialami dalam dunia pekerjaannya yang menemukannya dengan kepelbagai kerenah manusia yang dapat diambil iktibar daripadanya. Perjalanan tersebut turut membolehkannya imbas kembali sejarah tempat-tempat disinggah.</p> <p>Di samping menimbulkan keprihatinan penulis, sajak-sajak itu juga menyentuh sikap golongan kepimpinan dan nasib bangsa dalam hal berkaitan membangun kesejahteraan bersama.</p>

Kategori: Puisi

No	Penulis/Tajuk Buku	Bio	Sinopsis
2	Mohd Khair Mohd Yasin <i>Langkah-Langkah Langka</i> (Unggun Creative 2019)	<p>Mohd Khair Mohd Yasin (Khayas) adalah pemenang dua Anugerah Compass pada tahun 1995 dan 1996. Beliau merupakan salah seorang anggota kumpulan <i>Rausyanfikir</i>. Khayas menerbitkan album solonya yang pertama pada tahun 1998 dengan judul album <i>Panji Anak Minoriti</i>. Sejauh ini, Khayas sudah melahirkan tujuh buku yang merupakan antara lain teknik-teknik menulis seni kata lagu, puisi berrima, kumpulan puisi dan juga kumpulan mutiara kata beliau. Khayas juga mengendalikan bengkel-bengkel puisi, seni kata lagu dan syair di institut-institut pendidikan di seluruh Singapura. Beliau juga merupakan anggota paling awal Compass dan Perkamus. Selain itu, Khayas sering kali menyumbang cerpen dan artikel ke <i>Berita Harian</i>.</p>	<p><i>Langkah-Langkah Langka</i> adalah kumpulan puisi oleh seniman Mohd Khair Mohd Yasin yang mengandungi 52 sajak yang dihasilkan menerusi renungan di bawah tahap kesedaran dan pengalaman melahirkan karyanya secara spontan.</p> <p>Projek ini merupakan penerokaan beliau di atas landasan gaya penulisan yang memaparkan ciri-ciri jati dirinya yang tersendiri. Penekanan penyair adalah penglahiran sajak-sajak menerusi pendalamannya pemikiran di atas pantulan inspirasi dan firasat yang perlu sering dilawati untuk memungkinkan penyusunan kata-kata yang unik dan memiliki kompleksiti tafsiran makna yang mendalam. Sajak-sajak yang dihasilkan di dalam kumpulan ini adalah bukti cara pembentangan idea yang langsung, tahap jiwa yang paling dalam di lautan perasaan dan pemikiran.</p>
3	Samsudin Said <i>Sepatu Mimpi</i> (Ombak Script House Production, 2019)	<p>Samsudin Said merupakan Penasihat di Perkumpulan Seni (PS), sebuah pertubuhan budaya yang berdaftar di Singapura. Beliau juga merupakan Timbalan Ketua Angkatan Sasterawan 50 (ASAS'50).</p> <p>Beliau memenangi Hadiah Sastera dalam bidang radio, siri Drama Terbaik dan Drama Paling Popular di Anugerah PESTA PERDANA anjuran stesen penyiaran Suria, MediaCorp. Beliau juga telah memenangi empat Anugerah Pena Emas, Hadiah Sastera Singapura dan juga Anugerah Persuratan.</p> <p>Beliau juga menghasilkan penerbitan buku skrip drama tv, pentas, bangsawan dan antologi puisi di Singapura dan juga di luar negara.</p>	<p><i>Sepatu Mimpi</i> diukir dalam bentuk "simplistik" yang mengagumkan, menggunakan daksi, imejan, perlambangan dan bahasa perbualan. Alur fikir dan gagasannya mudah diserap melalui gaya pengucapan bersahaja. Membaca <i>Sepatu Mimpi</i> persis menikmati ungkapan perasaan dan pemikiran watak-watak yang dilamun cinta. Cinta terhadap ibu-bapa, Tuhan, manusia, ilmu sains, warisan pusaka, pengembaraan, introspeksi diri, dan sejarah bangsa adalah antara rangkuman ungkapan rasa cinta penyair yang mengalir tenang dan lancar pada alur dan keluk setiap uitaian kata serta larik-larik puisi yang digubah dalam kumpulan ini.</p>

Kategori: Puisi

No	Penulis/Tajuk Buku	Bio	Sinopsis
4	Suratman Markasan <i>Pencarian dan Penemuan</i> (Self-published, 2019)	<p>Suratman Markasan berkhidmat sebagai Penolong Pengarah Pengajian Melayu & Tamil di Kementerian Pendidikan Singapura. Dia juga seorang anggota ASAS'50 sejak 1954, seorang hakim untuk Anugerah Sastera ASEAN Pertama pada tahun 1977, dan dilantik sebagai ahli jawatankuasa untuk Kongres Penyair Sedunia pada tahun 1989. Antara anugerah yang diperolehinya ialah Anugerah Penulis Asia Tenggara, Anugerah Sastera Montblanc-NUS Centre for Arts, Anugerah Sasterawan Nusantara, Anugerah Tun Seri Lanang, Anugerah Pingat Budaya Singapura dan Anugerah Sastera MASTERA.</p>	<p>Pada umumnya isi kumpulan puisi "Pencarian dan Penemuan" adalah tentang kehidupan saja selepas kematian isteri saja; Saerah Taris. Selepas selama kira-kira hampir sepuluh tahun, Allah yang masih sayang dan mengasihi hambanja, lalu didatangkan seorang isteri bernama Halimah Madon mendampingi saja dan kemudian kami dikurniai seorang anakanda lelaki yang kami namai Muhammad Hidajat Suratman sebagai penyambung kehidupan kami sehingga hari ini. Bahagian permulaan isinya adalah merupakan 'pencarian' kami mengenai kebahagian dan bahagian akhirnya adalah 'penemuan' yang kami jalani mengenai berbagai kehidupan kami di dunia ini.</p>

Kategori: Bukan Fiksyen Kreatif

No	Penulis/Tajuk Buku	Bio	Sinopsis
1	Mohamed Pitchay Gani Mohamed Abdul Aziz <i>Falsafah Pengkarayaan Melayu Singapura</i> (The Malay Heritage Foundation Ltd, 2019)	<p>Dr Mohamed Pitchay Gani Mohamed Abdul Aziz dilahirkan dan dibesarkan di Penempatan Melayu Singapura. Beliau merupakan seorang pendidik dan ahli bahasa. Beliau banyak terlibat dalam senario persuratan Singapura dan kerap menjalankan usaha pendokumentasian terhadap karya-karya persuratan dan biografi sasterawan agung Singapura serta sastera Singapura. Karya-karya kreatifnya melewati batasan konvensi masyarakat Melayu. Cerpennya "Mrs George Nelson Berton", novel Seking and puisi "Garis-garis di wajah" merupakan contoh-contoh naratif yang digunakan dalam usaha menjelaskan isu-isu yang menyelubungi bangsa Melayu pasca-kolonial.</p> 	<p>Kebanyakan buku, bahan rujukan dan kajian mengenai masyarakat Melayu Singapura yang terdapat pada masa kini, biasanya ditulis dari sudut pandang "orang luar" yang cuba melihat ke dalam. Buku ini mengisi keperluan merakamkan keadaan dan nunsa sosial, psikologi, dan sejarah masyarakat Melayu dari kaca mata Melayu sendiri melalui karya sastera yang dihasilkan. Pengisian buku ini menyedarkan pembaca akan keperluan untuk menilai semula norma penulisan dan mengenali proses pemikiran para sasterawan agung zaman pasca-perpisahan. Ia juga berkongsi keadaan yang membentuk nilai dan harapan penulis dalam menghasilkan karya-karya berharga yang meningkatkan keintelektualan Melayu. Setiap bab membawa pembaca lebih dekat kepada memahami falsafah sastera Melayu dalam mana pegangan penulis disulam dengan budaya dan agama dalam usaha memastikan adanya keseimbangan dan ruang untuk protes, kelantangan suara, dan idealisme tanpa menjelas keindahan seni penulisan Melayu.</p>
2	Suratman Markasan <i>Mengasah Kalam: Membina Kritikan Sastera di Singapura (Jilid 1)</i> (Unggun Creative, 2019)	<p>Suratman Markasan berkhidmat sebagai Penolong Pengarah Pengajaran Melayu & Tamil di Kementerian Pendidikan Singapura. Dia juga seorang anggota ASAS'50 sejak 1954, seorang hakim untuk Anugerah Sastera ASEAN Pertama pada tahun 1977, dan dilantik sebagai ahli jawatankuasa untuk Kongres Penyair Sedunia pada tahun 1989. Antara anugerah yang diperolehinya ialah Anugerah Penulis Asia Tenggara, Anugerah Sastera Montblanc-NUS Centre for Arts, Anugerah Sasterawan Nusantara, Anugerah Tun Seri Lanang, Anugerah Pingat Budaya Singapura dan Anugerah Sastera MASTERA.</p> 	<p>Isi kumpulan "Mengasah Kalam" adalah mengenai tiga eseи yang saya tulis mengenai kritikan sastera Melayu Singapura. Pertama adalah mengenai situasi kritik sastera yang tandus sekitaran antara tahun 1950 hingga tahun 1981. Kemudian bahagian keduanya adalah mengenai tulisan cerpen dan puisi yang ditulis oleh penulis-penulis sekitaran antara tahun 1985-an, yang hanya menyentuh tentang hal-hal remah saja, yang tidak menyentuh tentang benar-benar keadaan masyarakat Melayu ketika itu. Sedang bahagian ketiga, adalah hasil tulisan-tulisan cerpen yang ditulis sekitaran tahun 2018 yang masih lemah tidak menampakkan kekutannya. Sedang tiga eseи lagi adalah mengenai perkembangan Bahasa Melayu dan kebuajaan Melayu dewasa ini.</p>

Kategori: Fiksyen

No	Penulis/Tajuk Buku	Bio	Sinopsis
1	Jamal Bin Ismail <i>GOD(A)</i> (Unggun Creative, 2018)	<p>Jamal Ismail, meneroka pelbagai genre penulisan, termasuk teater, radio dan skrip TV, puisi, esej, cerita pendek dan novel. Dilahirkan pada tahun 1952, Jamal memenangi banyak anugerah, termasuk Anugerah Loheh-Nur untuk Dokumentari Islam bagi Terbaik dari Tamadun Islam (1997) dari Republik Islam Iran, Hadiah Sastera untuk cerpen <i>Yang, Hadiah Sastera (Kepujian)</i> untuk <i>Di Sebalik Fatamorgana dan Hikayat Hang Kulup</i> serta Anugerah Buku Kebangsaan dari Majlis Pembangunan Buku Kebangsaan Singapura (NBDCS) untuk novel <i>Songsang</i>. Beliau telah menulis dua novel, <i>Songsang</i> dan <i>Tunjuk Langit</i>, dan tiga koleksi cerpen <i>Yang, Yang Kekucingan</i> dan <i>GOD(A)</i>.</p>	<p><i>GOD(A)</i>, kumpulan 10 buah cerpen yang pasti akan menggoda pembaca dengan cerita-cerita kehidupan luar biasa watak-watak istimewa diraih dari pengalaman penulis yang cekap menganyam realisma magis ke dalam kisah-kisah biasa. Seorang penjaga masjid telah diamanahkan untuk memastikan bahawa kolam wuduk masjid tidak disalahguna sebagai tempat mandi awam. Seorang lelaki remaja, teruja untuk perjalanan ke Ipoh, menyertai Peraduan Tilawah Al-Quran pada tahun 1965, terpaksa menerima hakikat mengapa perjalanannya terpaksa dibatalkan. Ujian seorang pemimpin agama yang dituduh mencetak wang palsu oleh seorang pegawai muda British. Cerita-cerita ini dan lain-lain, yang ditulis oleh seorang mantan pengarah dan penerbit televisyen adalah isu-isu asas lagi penting menyentuh kehidupan orang-orang Islam/Muslim mengenai keyakinan dan keabdian mereka kepada Tuhan.</p>

Kategori: Fiksyen

No	Penulis/Tajuk Buku	Bio	Sinopsis
2	Jamal Bin Ismail <i>Tunjuk Langit</i> (Unggun Creative, 2019)	Jamal Ismail, meneroka pelbagai genre penulisan, termasuk teater, radio dan skrip TV, puisi, esej, cerita pendek dan novel. Dilahirkan pada tahun 1952, Jamal memenangi banyak anugerah, termasuk Anugerah Loheh-Nur untuk Dokumentari Islam bagi Terbaik dari Tamadun Islam (1997) dari Republik Islam Iran, Hadiah Sastera untuk cerpen <i>Yang, Hadiyah Sastera</i> (Kepujian) untuk <i>Di Sebalik Fatamorgana dan Hikayat Hang Kulup</i> serta Anugerah Buku Kebangsaan dari Majlis Pembangunan Buku Kebangsaan Singapura (NBDCS) untuk novel <i>Songsang</i> . Beliau telah menulis dua novel, <i>Songsang</i> dan <i>Tunjuk Langit</i> , dan tiga koleksi cerpen <i>Yang, Yang Kekucingan</i> dan <i>GOD(A)</i> .	Novel, <i>Tunjuk Langit</i> , menceritakan kisah sekumpulan warga emas berbilang bangsa yang hidup di usia lanjut mereka di sebuah rumah kebajikan, <i>Tunjuk Langit</i> . Nama itu sendiri diilhamkan oleh satu siri pokok buah tunjuk langit, yang juga dikenali sebagai mahogany yang tumbuh di kawasan sekitar Choa Chu Kang. Walaupun rumah kebajikan ini adalah sebuah rekaan, namun ia mencerminkan realiti kehidupan yang mencabar, kadang-kadang lucu dan menyedihkan di kota Singapura. Apabila rumah kebajikan swasta ini terpaksa ditutup kerana kekurangan dana, beberapa orang penghuni istimewa lagi bijak yang merasa terhutang budi dengan kewujudannya, perlu mencari jalan untuk meneruskan operasinya dan memastikan rumah kebajikan itu tidak akan diroboh. Seorang watak istimewa, Habeb, terpaksa membuat aksi luar biasa, luar dari kotak fikiran lumrah untuk menarik perhatian dunia demi menyelamatkan rumah istimewa ini yang diamanahkan kepadanya oleh pemiliknya Jimmy, sahabatnya yang telah meninggal dunia.
3	Noor Aisyah Buang <i>Labirin Al Maut</i> (Self-published, 2019)	Noor Aisyah Buang menulis sajak, cerpen dan juga esej. Sajaknya pernah disiarkan tersiar di akhbar Singapura, Malaysia dan juga Indonesia. Buku himpunan puisi <i>Kastil Aisyah</i> memenangi kategori buku sajak di Anugerah Persuratan Singapura 2015 dan disenaraipendek dalam Hadiah Sastera Singapura 2016. Cerpennya <i>Labirin</i> mendapat tempat ketiga bagi Anugerah Pena Emas NAC, 2017. Kini, buku puisinya yang kedua <i>Cahaya Dalam Sunyi</i> dan buku koleksi cerpen <i>Labirin Al Maut</i> sudah diterbitkan.	<i>Al Maut</i> adalah kumpulan cerpen yang menampilkan cerpen-cerpen dengan gaya dan sudut pandang yang tersendiri. Ia memberi warna yang lain kepada sastera, sekaligus menambahkan warna untuk menjadikan sastera lebih berwarna-warni.

Kategori: Fiksyen

No	Penulis/Tajuk Buku	Bio	Sinopsis
4	Peter Augustine Goh <i>Warna Sebuah Rahsia</i> (Caliph Readers, 2019)	<p>Peter Augustine Goh adalah nama pena Goh Mey Teck @ Iskandar Goh. Beliau menulis dalam pelbagai genre – cerpen, novel kanak-kanak dan novel dewasa, sajak, drama TV, drama radio dan esei sastera. Semua karyanya dihasilkan dalam bahasa Melayu. Beberapa karyanya telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris, Mandarin dan Tamil. Dewasa ini, beliau adalah pembimbing penulisan kreatif dan penterjemah bebas. Beliau telah memenangi Anugerah Pena Emas sebanyak tiga kali pada tahun 1995, 1999 dan 2003 bagi kategori cerpen dan sajak. Pada tahun 2016, beliau telah memenangi Hadiah Sastera Singapura bagi kategori fiksyen Melayu untuk kumpulan cerpennya <i>Air Mata Di Arafah</i>. Beliau telah menghasilkan sebanyak 40 buah buku, termasuk 10 buah antologi bersama penulis dari Singapura, Malaysia, Brunei dan Indonesia.</p>	<p><i>Warna Sebuah Rahsia</i> menghimpunkan 10 buah cerpen hasil karya Peter Augustine Goh, penulis prolifik Singapura yang menulis dalam pelbagai genre sastera. Cerpen-cerpen yang dihasilkan antara 2014 dan 2018 ini, mengangkat pelbagai persoalan sejagat. Pelbagai cerita menarik yang berunsurkan sejarah, satira, kemanusiaan dan psikologi dihidangkan dalam kumpulan ini. Bertunjangkan aliran realisme, cerpen-cerpen dalam kumpulan ini disentuh dengan begitu berseni dan sarat dengan metafora dan falsafah. Kepintaran penulis menggunakan pelbagai teknik plot serta mengatur plot juga berjaya ‘membelit’ fikiran pembaca, walaupun jalanan ceritanya disampaikan dalam gaya bahasa yang santai dan segar dengan alunan intonasi nostalgik yang mampu mengusik hati dan menyentuh rasa pembaca.</p>

Penilai SLP 2020 (Kategori Melayu)

Kategori: Puisi

No	Penilai	Bio
1	Rasiah Halil (Ketua Penilai)	<p>Rasiah Halil merupakan seorang penyair, penulis, penterjemah dan pendidik. Diterbitkan sejak 1972, karya-karya Rasiah mendalamai isu-isu sosial dan kemanusiaan. Selain lima buku persendirinya, tulisannya boleh juga ditemui dalam sejumlah antologi. Sejak 1983, karya-karya Rasiah telah diberi beberapa hadiah, termasuk Anugerah Tun Seri Lanang pada 2017.</p> 
2	Dr Kartini Anwar	<p>Dr Kartini Anwar bertugas sebagai pensyarah di Jabatan Bahasa dan Kebudayaan Melayu, Institut Pendidikan Nasional (NIE), Universiti Teknologi Nanyang. Beliau banyak membentangkan kertas persidangan tentang kesusastraan dan di antaranya telah diterbitkan dalam jurnal tempatan dan antarabangsa. Kartini juga terlibat dengan tugas penyuntingan dan menjadi anggota panel juri untuk beberapa anugerah persuratan.</p> 
3	S.M. Zakir	<p>Syed Mohd Zakir bin Syed Othman atau S.M. Zakir, telah menerima puluhan anugerah sastera kebangsaan termasuk Hadiah Sastera Perdana kategori Buku 1994/95 dan 2010/11, Hadiah Sastera MASTERA 2012 dan Anugerah Buku Negara 2018. Menerima Anugerah Sasterawan Muda MASTERA 2010 dari Majlis Sastera Asia Tenggara (MASTERA) dan Anugerah S.E.A Write Award 2011 dari S.E.A Write Council di Bangkok, Thailand.</p> 

Kategori: Bukan Fiksyen Kreatif

No	Penilai	Bio
1	Dr Aishah binte Mohamad Kassim (Ketua Penilai)	<p>Dr Aishah Mohamad Kassim ialah konvenor dan pensyarah Bahasa Melayu di Pusat Pengajian Bahasa (Centre for Language Studies), Fakulti Sastera dan Sains Sosial (FASS), Universiti Nasional Singapura (NUS). Beliau berpengalaman mengajar Bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda dan bahasa asing di NUS. Beliau giat dalam penyelidikan pedagogi dan penguasaan bahasa, sosio-linguistik bahasa dan pendidikan. Dr Aishah memperoleh Ijazah Doktor Pendidikan (EdD) dari Universiti Western Australia (UWA) setelah selesai penyelidikan dalam pendidikan Bahasa Melayu.</p> 
2	Anwar Ridhwan	<p>Anwar Ridhwan ialah Sasterawan Negara Malaysia yang ke-10. Beliau mempunyai banyak pencapaian seperti menghasilkan beberapa novel, cerpen, drama pentas, kumpulan puisi dan sejumlah buku lagi tentang bahasa, sastera dan budaya. Karyanya telah diterjemahkan ke dalam lebih 16 bahasa asing. Kini beliau bertugas sebagai Pensyarah Kanan di Fakulti Penulisan Kreatif dan Filem, Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) Malaysia.</p> 
3	A/P Dr Lim Beng Soon	<p>Profesor Madya Dr Lim Beng Soon merupakan Ketua Jabatan Bahasa dan Sastera Melayu di Universiti Sains Kemasyarakatan Singapura. Bidang kajian utama beliau termasuk Pragmatik, terutamanya kesantunan Melayu dan Inggeris dan wacana pertuturan, Penterjemahan dan Linguistik Terapan. Sebelum menyertai SUSS, beliau bertugas sebagai Professor Madya di Fakulti Bahasa dan Linguistik di Universiti Malaya. Beliau pernah berkhidmat sebagai pakar Bahasa di Pusat Serantau Organisasi Menteri-menteri Pendidikan Asia Tenggara (SEAMEO RELC) di Singapura. Dr Lim merupakan ahli Jawatankuasa eksekutif Persatuan Linguistik Terapan Singapura.</p> 

Kategori: Fiksyen

No	Penilai	Bio
1	Dr Sa'eda Buang (Ketua Penilai)	<p>Dr Sa'eda Buang merupakan anggota akademik di Jabatan Bahasa dan Kebudayaan Asia, Institut Pendidikan Nasional-Universiti Teknologi Nanyang (NIE-NTU), Singapura. Masih berada di Lembaga Penasihat Antarabangsa beberapa jurnal akademik rantau dan antarabangsa. Menerima Hadiah Sastera pada 2003 dan 2005 bagi genre sajak, dan pada 2005 menerima Anugerah Persuratan genre cerpen.</p> 
2	Juffri Supa'at	<p>Juffri Supa'at bertugas sebagai pustakawan kanan di Perpustakaan Negara Singapura dan pernah menerbitkan kumpulan puisi <i>XXL: Anak muda julung berkeris</i> (1999). Selain itu, Juffri juga telah menjadi penyusun dan penyunting beberapa bibliografi penulis-penulis perintis seperti Masuri S.N., <i>Bibliografi Sastera Melayu Singapura</i> (2011) dan antologi cerpen & puisi <i>Catatan Perjalanan</i> (2017) disamping menyumbang puisi-puisi di dalam antologi <i>Menyongsong pelangi</i> (2005), <i>Kalimat dari Langit</i> (2010), <i>Di bawah langit tanah pertiwi</i> (2015) dan <i>Hempedu di tasik madu</i> (2016). Beliau juga pernah menjadi kurator beberapa pameran yang memaparkan beberapa sasterawan perintis Singapura seperti Masuri S.N., Muhammad Ariff Ahmad dan Abdul Ghani Hamid.</p> 
3	Dr Siti Zainon Ismail	<p>Dr Siti Zainon Ismail adalah pengkaji budaya warisan Melayu, seniman dan juga penyair. Beliau dianugerahkan sebagai penerima S.E.A. Write Award (1989), telah menulis dalam pelbagai bentuk penerbitan seperti akademik, kesenian, novel, cerpen dan puisi, sejak 1970-an. Ada diantaranya telah diterjemah ke dalam pelbagai bahasa. Pada 2019, Dr Siti Zainon Ismail telah dipilih sebagai peraih Anugerah Sasterawan Negara Malaysia ke-14, yang membawa gelaran Sasterawan Negara.</p> 

→ Gambaran penulis, kulit buku dan pengadil boleh dimuat turun di [sini](#).

Tentang Majlis Buku Singapura

Majlis Buku Singapura (SBC) adalah badan kebajikan bebas dengan status IPC. ia ditubuhkan pada tahun 1968 untuk menyokong penulis dan sastera Singapura. Degan ikrar *Building Our Imagine-nation*, SBC bertujuan untuk mengembangkan kreativiti, imaginasi, pemikiran asli dan empati. Program kami memberi tumpuan kepada penulisan kreatif, pembacaan, ilustrasi, terjemahan dan penceritaan. Kami bertekad untuk membina sektor seni sastera pelbagai bidang dan budaya melalui festival-festival, bengkel-bengkel latihan dan kursus-kursus kami, serta anugerah buku untuk mengiktiraf kecemerlangan.

Visi: Pengiktirafan antarabangsa untuk sastera Singapura yang berkualiti dan merangkumi kepelbagaiannya.

Misi: Untuk membina, menyokong dan mengadvokasikan sebuah sektor seni sastera pelbagai budaya.

SBC kini dipengerusikan oleh Puan Claire Chiang, pengasas bersama Banyan Tree Hotels and Resorts.

Majlis Buku mengembangkan dan mengadvokasi buku-buku dan seni sastera Singapura dengan menganjurkan pelbagai festival, termasuk Festival Asia Kandungan Kanak-kanak (AFCC) yang diadakan setiap tahun; memberikan anugerah berprestij seperti anugerah kebangsaan dwitahunan, Hadiah Sastera Singapura; menyokong jangkauan masyarakat melalui gerakan #BuySingLit; dan membina keupayaan profesional melalui program-program Akademi kami.

Kerana ia semua bermula dengan sebuah cerita.

SBC disokong oleh Majlis Kesenian Kebangsaan Singapura di bawah Skim Syarikat Utama untuk tempoh dari 2019 hingga 2021.

→ Untuk maklumat lebih lanjut, sila luncur <https://bookcouncil.sg>

Tentang Anugerah Sastera Singapura

Dimulakan pada 1992, Hadiah Sastera Singapura (SLP) ialah hadiah sastera unggul di Singapura dengan lebih daripada 80 pemenang. Hadiah ini sebuah pertandingan dwitahunan dan dibuka kepada warganegara dan Penduduk Tetap Singapura yang mana karya fiksyen, puisi, dan bukan fiksyen kreatif mereka telah diterbitkan di Singapura atau luar negari dalam tempoh yang ditetapkan. Karya mereka boleh diterbitkan dalam sebarang bahasa rasmi Singapura iaitu Bahasa Cina, Inggeris, Melayu, atau Tamil.

Hadiah tertinggi bernilai S\$3,000 dianugerahkan kepada pemenang dalam setiap kategori. Pemenang juga akan menerima sebuah piala khas.

SLP telah dianugerahkan setiap dua tahun dan dianugerahkan kepada karya yang diterbitkan dalam empat bahasa Singapura sejak 2004. Hadiah ini diperluaskan pada tahun 2014 dan merangkumi kategori untuk genre bukan fiksyen kreatif dan puisi.

Antara penulis Singapura terkemuka yang telah dianugerahkan SLP, termasuk Mohamed Latiff Mohamed, Yeng Pway Ngon, KTM Iqbal, Cyril Wong, Josephine Chia, Amanda Lee Koe dan Sonny Liew.

→ Untuk maklumat lanjut, sila lungsuri <https://bookcouncil.sg/awards/singapore-literature-prize>